



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 FEBRUARI 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

8 FEBRUARI 2021 (ISNIN)

HARGA CEKIK DARAH

Ibu bapa resah harga gajet berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) melambung hingga 70 peratus

LAPORAN KHAS



Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid (dua dari kiri) bersama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad ketika menyertai Ops Catut 8.0 di Kuala Lumpur minggu lalu.

- Tinjauan mendapati segelintir peniaga menaikkan harga gajet berkaitan PdPR terutamanya komputer, laptop, tablet dan mesin pencetak
- KPDNHEP telah dikeluarkan lebih 331 notis pengesahan maklumat barangan kepada peniaga dalam Ops Catut 8.0
- Peniaga nafi sorok barang sebaliknya dakwa permintaan terlalu tinggi dan kehabisan stok

MUKA 4 & 5

KPDNHEP gempur peniaga cekik darah

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan (KPDNHEP) bertindak menggempur peniaga peranti komputer, komunikasi dan peranti elektronik di seluruh negara dengan sejumlah 331 Notis Penguatkuasaan Maklumat Barangan (NPMB) dikeluarkan terhadap mereka.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, notis dikeluarkan kepada peniaga mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan (AKHAP) 2011 dibuat susulan KPDNHEP menerima sejumlah 34 aduan rasmi berkaitan peningkatan harga peranti elektronik bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Menurutnya, harga barangan yang disyaki dinaikkan segelintir golongan peniaga dan pembekal ialah komputer riba, tablet, komputer, telefon pintar dan mesin pencetak.

"Melalui penguatkuasaan Ops Catut 8.0 (Kelengkapan Elektronik dan Komunikasi)

bermula 25 Januari hingga 4 Februari lalu, sebanyak 331 premis telah diperiksa melibatkan 628 item barangan



Rosol (tengah) bersama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad menyertai Ops Catut 8.0 di Kuala Lumpur minggu lalu.

kelengkapan elektronik dan komunikasi.

"Peniaga diberikan tempoh dua hari bekerja bagi mengemukakan semua maklumat dan dokumen diperlukan. Sekiranya notis gagal dipatuhi, mereka boleh dikenakan denda RM50,000 sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah terkini kerajaan bagi membendung salah laku atau manipulasi harga oleh peniaga susulan pelaksanaan PdPR dalam tempoh Perintah Kawalan Perge-

rakan (PKP).

Rosol berkata, daripada jumlah 331 NPMB yang dikeluarkan, Sabah mencatatkan mencatat bilangan penerima notis tertinggi iaitu seramai 38 peniaga, diikuti Sarawak (37) dan Kelantan (34).

Menurutnya, mengenai jumlah pemeriksaan barangan peranti elektronik terkumpul, negeri Sarawak mencatatkan angka tertinggi sebanyak 97 item, diikuti Sabah (80) dan Kelantan (65).

"Setelah NPMB diserahkan kepada kesemua peniaga terlibat, sejumlah 199 peniaga sudah memberikan maklumat balas no-

tis selepas tempoh dua hari ditetapkan.

"Bagaimanapun, masih ada 132 peniaga yang didapati masih gagal memberikan maklumat balas NPMB dengan peniaga negeri Johor mendahului angka itu seramai 31 orang," katanya.

Rosol juga menegaskan KPDNHEP masih berusaha mengenal pasti julat kenaikan harga peranti PdPR susulan Ops Catut 8.0 baru berakhir Ahad.

Bagaimanapun, beliau menafikan dakwaan kemungkinan berlakunya taktik menyorok bekalan peranti PdPR seperti dibimbangi golongan ibu bapa dan beberapa persatuan pengguna.

"Pelaksanaan PKP menyebabkan kilang-kilang pengeluaran barangan peranti PdPR di negara ini tidak beroperasi. Selain itu, penghantaran bekalan peranti elektronik yang diimport dari China melalui kapal juga sukar dilakukan sewaktu PKP.

"Ditambah pula dengan kebanyakan pembekal dan peniaga bercuti sempena perayaan Tahun Baharu Cina minggu hadapan, KPDNHEP amat pasti tiada peniaga yang cuba menyorok barangan peranti itu," katanya.

STATISTIK ADUAN HARGA GAJET PDPR MAHAL

Barang	Tahun		Jumlah
	2020	2021	
Dakwat mesin cetak	11	7	18
Komputer riba	5	7	12
Mesin cetak	3	1	4
Jumlah	19	15	34

Laporan Pemeriksaan Ops Catut 8.0 KPDNHEP

Jumlah premis diperiksa	331 buah
Jumlah barang diperiksa	635 item
Jumlah notis NPMB dikeluarkan	331 notis

LAPORAN KHAS

Banteras peniaga, pembekal ambil kesempatan

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa kerajaan mengambil tindakan sewajarnya terhadap peniaga dan pembekal yang menjual peranti bagi keperluan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dengan harga cekik darah.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, apabila PdPR mula diperkenalkan pada sesi persekolahan di seluruh negara, pihaknya banyak menerima aduan mengenai isu kenaikan harga peranti elektronik seperti komputer, komputer riba, telefon pintar dan mesin pencetak.

Menurutnya, pihaknya juga mengakui bimbang kemungkinan terdapat taktik segelintir peniaga dan pembekal yang cuba menyorokkan peranti PdPR, lebih-lebih lagi terdapat ura-ura kerajaan akan memberi bantuan pembelian barangan berkenaan kepada golongan ibu bapa.

"Meskipun sememangnya berlaku



MOHD YUSOF

peningkatan harga barangan peranti PdPR disebabkan permintaan yang cukup tinggi dalam kalangan ibu bapa, golongan peniaga dan pembekal tidak boleh sewenang-wenangnya meletakkan harga tidak masuk akal atau sorok bekalan.

"FOMCA tidak mahu ibu bapa daripada golongan berpendapatan rendah (B40) terbeban terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, sehingga akhirnya menyebabkan kemungkinan aspek pembelajaran anak-anak mereka terbantut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Awal bulan lalu, kenaikan harga peranti seperti komputer riba mula disuarakan ibu bapa yang kini terpaksa mencari kekelengkapan itu bagi memenuhi keperluan PdPR.

Ini berikutan sejumlah 4.7 juta pelajar sekolah di seluruh negara terpaksa mengikuti pembelajaran norma baharu susulan sekolah ditutup akibat PKP.

Peniaga nafi sorok gajet untuk naikan harga

KOTA BHARU -

Permintaan yang melebihi penawaran menjadi punca stok komputer riba baharu dan terpakai habis di pasaran, malah turut menyebabkan peningkatan harga.

Bagaimana kenaikan harga barangan itu tidak mempunyai kaitan dengan tindakan peniaga 'menyimpan' stok bagi mengaut keuntungan lebih tinggi susulan langkah kerajaan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Perkara itu didedahkan peniaga komputer riba terpakai dan baharu di Kelantan yang hanya mahu dikenali sebagai Lee.

Lee yang mengusahakan perniagaan itu sejak 20 tahun lalu berkata, pelaksanaan PdPR menyaksikan permintaan luar biasa terhadap peralatan itu menyebabkan dia dan beberapa peniaga lain keha-



Permintaan yang tinggi menyebabkan bekalan komputer riba baharu dan terpakai habis di pasaran. - Gambar hiasan

bisan stok ketika ini.

"Saya hairan bagaimana boleh timbul spekulasi ini (sorok gajet) sedangkan kami peniaga nak dapatkan stok daripada pembekal pun agak susah," katanya.

Menurutnya, kebanyakan komputer riba terpakai itu diimport dari luar negara dan mengambil masa yang agak lama un-

tuk masuk ke Malaysia.

Kata Lee, membicarakan lagi keadaan apabila ada beberapa buah negara yang sebelum ini menjadi 'syurga' komputer riba terpakai 'berehat' seketika daripada mengeksport barangan tersebut selepas kerajaan menggalakkan pekerja untuk bekerja dari rumah.

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedia mengemukakan permohonan supaya aktiviti *dine-in* atau makan dalam kawasan premis menjual makanan dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid berkata permohonan itu dikemukakan kepada Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob atau Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa terdekat.

Beliau berkata permoho-

KPDNHEP mohon kelonggaran makan di restoran



Bagi setiap premis dibenarkan dine-in, ia membantu memulihkan ekonomi dan kehidupan sekurang-kurangnya lima individu yang terbabat dalam rantaian pembekal barangan dan bahan mentah

-Rosol Wahid

nan itu dibuat bagi membela kebajikan bukan sahaja pengusahanya premis makanan dan peniaga trak makanan, malah pekerja, pembekal dan pemborong bahan makanan serta sesiapa sahaja yang terbabat dalam industri makanan.

"Bagi setiap premis yang dibenarkan *dine-in*, ia dapat membantu memulihkan ekonomi dan kehidupan sekurang-kurangnya lima individu yang terbabat dalam rantaian pembekal barangan dan bahan mentah," katanya selepas meninjau

jualan kedai runcit bergerak Prihatin Mart di Dataran Kampung Langgar di sini.

Beliau berkata, rata-rata pemilik premis dan trak makanan yang mengadu nasib mereka kepada KPDNHEP berjanji mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan MKN sekiranya aktiviti itu dibenarkan.

Sementara itu, Rosol berkata KPDNHEP juga memohon premis menjual pakaian dibenarkan beroperasi sepanjang PKP ini demi memastikan kelangsungan hi-

dup peniaga dan pekerja terutama di musim perayaan Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang bakal disambut beberapa bulan lagi.

"Kita dalam dilema antara ekonomi dan kesihatan. Lagipun kluster baharu banyak berlaku di tapak pembinaan, kawasan perniagaan seperti restoran dan kedai makan, pasar malam dan premis jual pakaian tiada lagi kluster. Jadi, kita harap MKN dapat pertimbangkan. Ini rintihan rakyat dari akar umbi yang terkesan dengan Covid-19," katanya. - Bernama

Harga bawang, cili merah turun 10 peratus

KUALA TERENGGANU – Harga bawang dan cili merah kini dilaporkan menurun lebih 10 peratus berbanding sebelum ini berikutan bekalan di pasaran kembali stabil.

Dua jenis barang itu sebahagian daripada 406 barang keperluan harian pengguna yang dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, Kementerian itu melakukan perbandingan harga purata barang keperluan harian sebelum dan semasa PKP 2.0.

“Kita dapati harga bagi 45 peratus daripada lebih 400 barangan berkenaan menurun.

“Bawang merah kecil import Thailand yang sebelum ini dijual pada harga RM17.82 sekilogram kini berharga RM15.79 manakala cili merah minyak sekarang berharga RM17.68 sekilogram berbanding RM21.68,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menziarahi Muhammad Mu’az Zhofri, 13, pelajar pintar yang kesempatan wang untuk membayar

yuran kemasukan ke Kolej Genius Insan (KGI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Kampung Lonsong, di sini pada Ahad.

Menurut Rosol, kenaikan dan penurunan harga barangan disebabkan beberapa faktor antaranya perkembangan cuaca dalam dan luar negara khususnya bagi sektor penting seperti pertanian selain rantaian bekalan di pasaran.

Beliau berkata, sebagai contoh banjir besar di China yang merupakan pembekal 80 peratus sayur import diikuti penurunan suhu mendadak pada hujung tahun lalu menjejaskan aktiviti pertanian di sana hingga harga sayur meningkat antara 150 hingga 200 peratus.

Bagaimanapun, katanya, bekalan import sayuran seperti kubis, bulat, lobak dan bawang putih ke negara ini dijangka pulih pada akhir bulan ini atau awal Mac nanti.

“2,300 anggota penguat kuasa KPDNHEP sentiasa ada di lapangan bagi memantau harga semasa barang keperluan harian.

“Kita minta jika berlaku penurunan atau kenaikan tidak munasabah, boleh buat aduan segera,” katanya.

Prices of chillies, onions stabilise as supplies resume

KUALA TERENGGANU: Prices of chillies and red onions, which went through the roof recently, have dropped significantly and returned to normal since last week.

Domestic Trade and Consumer Affairs Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said supplies of both these items from India and Pakistan have resumed after being temporarily

suspended due to flooding there.

"We find that prices (of red onions and chillies) have dropped by more than 10% because supplies have started to stabilise in the market," he

told reporters after visiting the family of an outstanding student, Muhammad Mu'az Zhofri, 13, in Kampung Losong yesterday.

Rosol said the ministry would

continue to monitor prices by mobilising its 2,300 enforcement officers nationwide to stop price and supply manipulation that would burden consumers. - Bernama



MAQIS rampas 3 kontena daging

Produk sejuk beku ditemui bercampur dari rumah sembelihan tidak diiktiraf

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menemui tiga kontena daging sejuk beku dipercayai diseludup yang bercampur aduk dengan daging dari rumah penyembelihan yang tidak diiktiraf, Jumaat lalu.

Serbuan ke atas gudang yang terletak di Puchong, jam 7.30 malam itu dilakukan bersama dengan polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sebelum kes diserahkan kepada MAQIS untuk siasatan lanjut.

MAQIS dalam kenyataannya semalam berkata, hasil maklumat

awal yang diperoleh, pihaknya mendapati sumber daging yang ditemui bercampur dari rumah penyembelihan tidak diluluskan dan diiktiraf pihak berkuasa.

"Sehingga lewat malam tadi (semalam), polis bersama MAQIS mengira kuantiti daging itu yang disita dan akan ditempatkan di tempat tahanan MAQIS.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11 dan 15, Akta MAQIS 2011 (Akta 728)," katanya.

MAQIS berkata, aktiviti mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta 728.

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Kegagalan mematuhi syarat permit import MAQIS yang sah pula juga satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta 728.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya



Serbuan menemui produk sejuk beku dipercayai diseludup dalam gudang di Puchong, Jumaat lalu.

sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta sama," katanya.

Jabatan itu berkata, kerjasama strategik dan operasi bersepadu MAQIS bersama agensi lain akan sentiasa diperkemas dan ditingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian, terutama daging dapat diperkukuhkan.

"MAQIS amat menghargai kerjasama rakan strategik antara polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), KPDNHEP dalam menangani isu penyeludupan seperti ini," katanya.

BH kelmari melaporkan, sebuah gudang sejuk beku di Taman Perindustrian Puchong diserbu

pihak berkuasa kerana disyaki menyimpan bekalan daging sejuk beku tanpa mengikut saluran yang sah.

Gudang sejuk beku yang sudah beroperasi sejak 2005 itu dipercayai membekalkan organ dalam lembu termasuk tulang, ekor, perut, paru ke pasar raya tempatan.



Maqis rampas tiga kontena daging sejuk beku dipercayai diseludup

Gudang campur daging tak sah diserbu

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

PETALING JAYA – Tindakan pihak tidak bertanggungjawab mencampuradukkan daging dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf terbongkar selepas sebuah gudang sejuk beku di Puchong diserbu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Khamis lalu.

Maqis dalam satu kenyataan memberitahu, dalam serbuan kira-kira pukul 11 malam itu, pihaknya dengan kerjasama polis dan beberapa agensi penguat kuasa lain bertindak menyita tiga kontena daging yang dipercayai diseludup.

"Hasil pemeriksaan dan maklumat awal yang dijalankan, sumber daging yang ditemui itu bercampur aduk daripada abattoir (rumah sembelih) yang tidak diluluskan oleh kerajaan dengan



GUDANG sejuk beku yang diserbu selepas disyaki mencampuradukkan bekalan daging yang tidak diiktiraf di Puchong, Khamis lalu.

yang diiktiraf.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 11 dan 15, Akta

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan mengikut seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya menurut Seksyen 11(3) akta sama," ujarnya.

Mengulas lanjut katanya, sehingga lewat malam tadi (Semalam) Maqis dan pihak PDRM bertungkus-lumus mengira kuantiti daging yang disita sebelum ditempatkan di tempat tahanan Maqis.

Ketika ditanya jumlah dan anggaran nilai rampasan, Maqis berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan dan akan mengeluarkan kenyataan dalam

waktu terdekat.

Jelasnya, kerjasama strategik dan operasi bersepadu Maqis bersama agensi lain akan sentiasa diperkembangkan dan ditingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian terutamanya daging dapat diperkukuhkan.

"Maqis amat menghargai kerjasama yang dimainkan oleh rakan strategik seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan lain-lain dalam menangani isu penyeludupan ini.

"Kami sangat komited dalam memastikan isu-isu yang membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak merbahaya dapat dibendung serta dikawal," jelasnya.



Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Puchong

Tiga kontena daging lembu yang status halalnya diragukan dan diseludup ditemui bercampur aduk dengan daging yang diluluskan kemasukannya oleh kerajaan di sebuah gudang di sini, kelmarin.

Difahamkan, gudang itu disewa oleh beberapa syarikat pengimport daging untuk menyimpan bekalan daging sejuk beku yang diimport dari luar negara.

Menurut sumber, sindiket yang menyeludup tiga kontena daging lembu itu juga menggunakan gudang sama untuk penyimpanan daging lembu yang status halalnya meragukan.

"Ini dipercayai bagi mengelirukan mata pihak berkuasa.

"Setakat ini, kita masih belum dapat pastikan dari negara mana daging itu diseludup dan semakan sedang dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, sumber berkata, pelekat atau tag penanda yang digunakan pada daging sejuk beku yang dirampas itu juga meragukan. Sebab itu kita perlu siasat lebih lanjut dari mana loji (pusat penyembelihan dan pembungkusan) daging lembu yang dirampas itu," katanya.

Untuk rekod, hanya loji penyembelihan dan pembungkusan yang mendapat

SUSULAN MAQIS RAMPAS 3 KONTENA

Daging halal campur ragu

SERBU DAGING DIRAGUI



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

kebenaran kerajaan dibenarkan membawa masuk daging sejuk beku ke negara ini.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam satu kenyataan berkata, polis yang mengetuai operasi itu menyerahkan kes terbabit kepada pihaknya untuk disiasat mengikut Seksyen 11 dan 15 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sehingga lewat malam tadi (kelmarin), polis bersama Maqis bertungkus-lumus mengira kuantiti daging itu yang disita dan akan ditempatkan di tempat tahanan Maqis," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Maqis berkata, pihaknya sedang menyiasat untuk mengenal pasti identiti syarikat yang membawa masuk daging berkenaan selain negara asalnya.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Manakala kegagalan mematuhi syarat permit import Maqis yang sah adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pe-

meriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang mana jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kerjasama strategik dan operasi bersepadu Maqis bersama agensi lain akan sentiasa diperkembangkan dan dipertingkatkan bagi memastikan kawalan import komoditi pertanian terutama daging dapat diperkukuhkan," katanya.

Dalam kenyataan itu, Maqis berkata, pihaknya menghargai kerjasama yang dimainkan oleh rakan strategik seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam negeri, Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta lain-lain dalam menangani isu penyeludupan.

"Maqis komited dalam memastikan isu membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan peternakan negara," katanya.



TIGA kontena daging lembu yang status halalnya diragukan yang dirampas di sebuah gudang di Puchong.

Pengurus gudang kartel direman 2 hari

Susulan pihak Maqis merampas daging sejuk beku seludup dalam tiga buah kontena

Oleh MUHAMMAD
AFHAM RAMLI

PUCHONG

Seorang pengurus syarikat sebuah gudang kartel daging sejuk beku di sini direman dua hari untuk siasatan lanjut.

Sumber Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berkata, reman terhadap lelaki berusia 45 tahun itu bermula Ahad.

"Siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengenal pasti rangkaian gudang tersebut. Maqis juga akan menyiasat bagaimana kemasukan daging tidak sah itu berlaku.

"Kita tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas di bawah peruntukan undang-undang yang ada," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan Maqis mengesyaki terdapat kegiatan pembungkusan semula yang dilakukan di gudang terbabit.

Serbuan yang diketuai Polis



Sebuah gudang kartel daging sejuk beku di Puchong, Selangor diserbu pada Jumaat.

Diraja Malaysia (PDRM), Maqis dan agensi penguat kuasa lain itu bertindak merampas daging sejuk beku seludup yang dimuatkan dalam tiga kontena.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan dan maklumat awal mendapati sumber daging yang ditemui tersebut bercampur aduk dari rumah penyembelihan yang tidak diluluskan bersama yang diluluskan

oleh kerajaan.

Jelas kenyataan itu, sehingga lewat malam, PDRM dan Maqis bertungkus-lumus mengira kuantiti daging yang disita untuk ditempatkan di tempat tahanan Maqis.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 11 dan 15, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Boxes of frozen beef in a Puchong cold storage factory yesterday. PIC COURTESY OF THE MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES DEPARTMENT

Maqis confirms meat at Puchong warehouse uncertified

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) has confirmed that the frozen beef seized three days ago in a Puchong cold storage factory was from an uncertified abattoir.

It also confirmed the frozen beef seized was a mixture of beef from certified and uncertified abattoirs.

"Three containers of frozen beef were found at the warehouse and were seized by Maqis," it said yesterday.

The *New Sunday Times* reported about the suspected possession of frozen beef obtained from uncertified sources.

Police, together with the Domestic Trade

and Consumer Affairs Ministry, raided the premises about 7.30pm on Friday following a tip-off.

Serdang police chief Assistant Commissioner Razali Abu Samah confirmed that 12 men, including 11 foreigners, were detained in the raid.

Two of these men, a Malaysian and a Hong Kong national, are being investigated under Section 55b of the Immigration Act 1959/63 for working without a valid permit.

The others, who were from Myanmar, were detained under Section 6(1)(c) of the same act for not having a valid travel pass.

The meat cartel issue surfaced last year following various news reports. NST reported that the cartel had been in operation for more than 40 years.

KPDNHEP serbu kilang seleweng LPG bersubsidi

KUALA SELANGOR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Selangor membongkar kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi di sebuah kilang memproses sarung tangan getah di Kampung Assam Jawa di sini.

Serbuan Ops Gasak jam 3.30 petang pada Sabtu itu menyita 325 silinder tong gas LPG bernilai RM45,000 selain merampas sebuah lori serta resit penghantaran.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, soal siasat terhadap seorang lelaki tempatan berusia 52 tahun yang juga pemilik syarikat mendakwa kilang itu beroperasi sejak sembilan bulan lalu dan mula menggunakan gas LPG sejak enam bulan lalu.

"Lelaki itu mendakwa ia

berikutan harga lebih murah berbanding gas LPG industri," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, siasatan mendapati kilang itu mendapatkan bekalan gas LPG bersubsidi daripada syarikat pembekal berlesen di Cheras, Kuala Lumpur.

"Kerajaan kehilangan nilai subsidi hampir RM200,000 kesan daripada aktiviti penyelewengan kilang berkenaan," katanya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau menegaskan siasatan terus dijalankan bagi menyabitkan kesalahan terhadap pemilik kilang itu serta serius mengesan pembekal yang terlibat di sebalik aktiviti yang mengakibatkan kerajaan mengalami kerugian jutaan ringgit.



KPDNHEP menyita 325 silinder tong gas LPG bernilai RM45,000 di sebuah kilang sarung tangan di Kampung Assam Jawa, Kuala Selangor.

Seleweng LPG proses sarung tangan getah

Kuala Selangor: Seleweng gas petroleum cecair (LPG) subsidi memasak secara besar-besaran untuk digunakan bagi memproses sarung tangan getah.

Itu tindakan pemilik sebuah kilang memproses sarung tangan getah di Kampung Assam Jawa di sini, yang dikesan melakukan perbuatan itu sejak enam bulan lalu.

Difahamkan kilang itu mendapatkan bekalan LPG subsidi dari sebuah syarikat pembekal berlesen di Cheras, Kuala Lumpur hingga mencecah 1,000 tong setiap bulan.

Bagaimanapun, kegiatan berkenaan dapat dikesan sebelum sepasukan anggota penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kuala Selangor

menyerbu kilang itu pada jam 3.30 petang kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, soal siasat terhadap seorang lelaki tempatan berusia 52 tahun yang juga pemilik syarikat mendakwa kilang itu beroperasi sejak sembilan bulan lalu dan mula menggunakan gas LPG sejak enam bulan lalu.

"Lelaki itu mendakwa ia berikutan faktor harga yang lebih murah berbanding gas LPG industri," katanya semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemui 166 tong LPG mengandungi gas cecair manakala 159 tong lagi didapati kosong.

"Nilai rampasan bagi LPG dirampas berjumlah kira-kira RM45,000 manakala lori yang disita bernilai RM 30,000," katanya.

HARI	:	<u>ISNIN</u>
TARIKH	:	<u>8/2/2021</u>
M/SURAT	:	<u>16</u>

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM5.90	• Telur Gred A. RM10.20	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM10.90
	• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kambing RM8.98	• Bawang Besar Holland RM3.29	• Kubis Bulat Tempatan RM3.80
	• Daging Lembu Import RM19.99	• Minyak Masak RM5.32	• Bawang Putih RM1.99	• Tepung Gandum RM1.35
<i>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</i>				